

13 MAR 2002

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR BERLEPAS UNTUK LAWATAN RASMI KE RUSIA, JERMAN DAN POLAND

SUBANG, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini berlepas untuk melakukan lawatan rasmi selama lapan hari ke Rusia, Jerman dan Poland.

Yang turut berada di pangkalan TUDM Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri kabinet dan beberapa Menteri Besar.

Perdana Menteri dan delegasinya dijadualkan berada di Rusia dari 14 hingga 16 Mac, di Jerman dari 18 hingga 20 Mac dan di Poland dari 21 hingga 22 Mac.

Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden Vladimir Putin dan menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia bertajuk "Globalisasi

- Ke Arah Pasaran yang Adil dan Makmur" semasa berada di Moscow.

Beliau juga akan melawat Pusat Bioteknologi Rusia, Pusat Kaji Cuaca dan menyaksikan demonstrasi pesawat pejuang Rusia, Sukhoi SU-30.

Di Jerman pula beliau dijangka menemui Canselor Jerman, Gerhard Schroder serta ketua-ketua industri negara itu.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan bertajuk "Mencapai Satu Wawasan; Cara Malaysia" semasa di Munich.

Lawatan itu antara lain bertujuan untuk menggalakkan anggota sektor swasta menjalin hubungan dengan rakan mereka, mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia dan mengkaji kemungkinan mewujudkan kerjasama yang lebih luas dalam bidang pendidikan.

Di Poland, Dr Mahathir dijangka mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Leszek Miller dan menemui Presiden Aleksander Kwasniewski.

-- BERNAMA

AZH ZS NMO